

Pelajar, belia alukan rombak

KUALA LUMPUR, Khamis — Persatuan-persatuan belia, penulis, pelajar dan badan-badan sukarela mengalu-alu kabinet baru yang diumumkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir tengah hari ini, terutamanya perliantikan beberapa tokoh muda sebagai menteri dan timbalan menteri.

Kata mereka, perliantikan Encik Anwar Ibrahim sebagai Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan kena pada tempatnya kerana pengalaman beliau dalam gerakan belia dan Datuk Shahrir Samad sebagai Menteri Wilayah Persekutuan kerana pengalamannya.

Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC) mengalu-alukan perliantikan Encik Anwar Ibrahim, dan mensifatkan dengan pengalamannya dalam gerakan belia, beliau dijangka dapat melaksanakan tugasnya dengan sempurna.

Ikhlas

Setiausaha Agung MAYC, Encik Mohd Nazim Yahya berkata, pihaknya berharap perliantikan itu akan dapat menyelesaikan masalah-masalah yang terdapat dalam pergerakan belia sekarang, terutama sekali berhubung dengan soal perpaduan di kalangan belia di negara ini.

Setiausaha Agung Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Encik Abdul Razak Abdul Malik berkata, perliantikan ramai tokoh muda menampakkan kepemimpinan yang begitu ikhlas dari Datuk Seri Dr Mahathir untuk memberi tempat kepada golongan pemuda menjadi pemimpin.

Katanya, di bawah pimpinan baru, GPMS berharap keadaan pem-

angunan akan lebih mantap dan mempunyai imbangan yang baik sama ada dari segi fizikal dan spiritual.

Berhubung dengan perliantikan Encik Anwar sebagai Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Encik Abdul Razak berharap golongan belia akan memberi sumbangan memperbaiki masalah sosial negara ini.

Naib Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Encik Ahmad Fauzi Basri pula berkata, perliantikan beberapa tokoh muda terutama bekas pemimpin belia akan dapat mencorak arah baru kepada belia di negara ini.

Katanya, MBM merasa bangga dengan perliantikan Presidennya, Encik Tajol Rosli Tan Sri Ghazali sebagai Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan satu kenduri akan diadakan.

Menurut Encik Ahmad Fauzi, kabinet baru Perdana Menteri itu juga menandakan proses ubahansur telah berlaku kepada golongan muda.

Ketua Satu Gabungan Penulis Nasional (GAPENA) Prof Datuk Ismail Hussein, turut mengalu-alukan kabinet baru yang diumumkan oleh Perdana Menteri pagi ini.

Katanya, kabinet baru itu diharap akan lebih memberi perhatian dan aspirasi baru kepada generasi muda.